

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN MING KAI (ALOR SETAR)

TARIKH : 17 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan siapa ahli Lembaga Parol KDN serta :-

- (a) berapa kerap mesyuarat dan kelulusan parol setiap bulan; dan
- (b) bagaimana mempercepatkan proses pertimbangan parol.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan Seksyen 46B(2) Akta Penjara 1995 (Pindaan) 2008, Lembaga Parol adalah terdiri daripada anggota yang dilantik oleh SPB Yang di-Pertuan Agong mengandungi seorang Pengerusi daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, seorang pegawai kanan penjara, seorang pegawai kanan polis, seorang pegawai kanan kebajikan dan tiga orang awam. Secara keseluruhannya Lembaga Parol mempunyai tujuh (7) orang keanggotaan bagi setiap lembaga.

Lembaga Parol bersidang sekurang-kurangnya dua (2) kali seminggu bagi mempertimbangkan permohonan parol kepada banduan yang layak. Walau bagaimanapun, Lembaga Parol juga akan bersidang pada bila-bila masa diperlukan untuk mempertimbangkan kes-kes khas.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 30 Jun 2020, secara purata Lembaga Parol telah mempertimbangkan antara 800 ke 900 permohonan parol banduan yang layak pada setiap bulan. Berdasarkan *trend* (dengan izin) kelulusan pertimbangan Lembaga Parol pada setiap bulan menunjukkan purata peratusan yang berjaya mendapat pelepasan secara parol sepanjang pelaksanaan Program Parol adalah 66%. Pertimbangan kelulusan permohonan parol oleh Lembaga Parol adalah berlandaskan kepada asas-asas pertimbangan seperti yang digariskan di bawah seksyen 46F Akta Penjara 1995.

Untuk makluman, proses pertimbangan parol adalah tertakluk kepada Peraturan 6(1) – Peraturan-Peraturan Penjara (Parol) 2010, di mana Lembaga Parol perlu bersidang untuk menimbangkan semua permohonan bagi pembebasan parol seseorang banduan dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh banduan itu layak diparol.